

ACTIHIST SYRUP

Triprolidone Hydrochloride/Pseudoephedrine hydrochloride (1.25mg/30mg per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Actihist Syrup
2. Bagaimana Actihist Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Actihist Syrup
4. Cara menggunakan Actihist Syrup
5. Semasa menggunakan Actihist Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Actihist Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Actihist Syrup

Ia digunakan untuk memberi kelegaan kepada kesesakan hidung dan sinus yang disebabkan oleh selesema dan alergi rinitis (keradangan pada membran mukus di dalam hidung).

Bagaimana Actihist Syrup berfungsi

Ubat ini mengandungi dua bahan aktif:

- *Pseudoephedrine hydrochloride*, adalah sejenis dekonjestan yang berfungsi dengan mengecutkan saluran darah di dalam saluran hidung untuk mengurangkan bengkak dan kesesakan hidung.
- *Triprolidone hydrochloride*, sejenis antihistamina, yang menghalang tindakan histamina, dan membantu untuk menghentikan bersin dan hidung berair.

Sebelum menggunakan Actihist Syrup

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda alah kepada *triprolidone hydrochloride*, *pseudoephedrine hydrochloride* atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut produk).

Jangan ambil/berikan ibat ini kepada:

- bayi pra-matang dan bayi yang baru dilahir
- individu yang sedang mengambil ubat bias

- individu yang mengalami kelenjar tiroid yang terlebih aktif
- individu yang mengalami masalah jantung atau serangan asma akut
- individu yang sedang mengambil ubat anti-depresan (*monoamine oxidase inhibitors*)

Sekiranya anda tidak pasti sama ada anda perlu mula mengambil ubat ini, bincang dengan ahli farmasi atau doktor anda.

- Sebelum menggunakan Actihist Syrup

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika:

- Anda mempunyai alahan dan warga tua perlu berhati-hati ketika menggunakan ubat ini.
- anda mempunyai diabetes atau tekanan darah tinggi.
- anda mempunyai glaukoma (peningkatan tekanan dalam bola mata)
- anda mempunyai masalah buah pinggang
- anda mempunyai ulser dalam saluran pencernaan atau perut

jangan berikan kepada kanak-kanak berumur 2 tahun ke bawah. Guna dengan berhati-hati dan rujuk kepada doktor atau ahli farmasi bagi kanak-kanak yang berumur antara 2 hingga 6 tahun.

Sila dapatkan nasihat dari doktor atau ahli farmasi jika anda sedang hamil, merancang untuk hamil atau sedang menyusukan sebelum mengambil ubat ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil:

- Ubat untuk tekanan darah tinggi dan masalah jantung (*Methyldopa*, *guanethidine*, *beta blocker*)
- Ubat untuk kemurungan (*tricyclic antidepressant*)
- Alkohol
- Antimuskarinik (ubat yang mengurangkan aktiviti pundi kencing)

- ubat yang boleh menyebabkan kehilangan pendengaran

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Actihist Syrup

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dewasa

Ambil 10 ml tiga kali sehari.

Kanak-kanak

2 hingga 6 tahun: 2.5 ml tiga kali sehari.
6 hingga 12 tahun: 5 ml tiga kali sehari.

Orang tua mungkin lebih sensitif terhadap kesan ubat jika diberikan dos biasa bagi orang dewasa.

Doktor akan melaraskan dos berdasarkan kepada umur dan gejala anda.

- Bila perlu digunakan

Ubat ini boleh diambil dengan makanan, minuman atau susu untuk mengurangkan kerengsaan perut.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti

ACTIHIST SYRUP

Tripolidone Hydrochloride/Pseudoephedrine hydrochloride (1.25mg/30mg per 5ml)

biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan anda berasa sakit kepala, loya, muntah, kekeringan mulut, peningkatan kadar degupan jantung, masalah pernafasan dan koma.

Semasa menggunakan Actihist Syrup

- Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Actihist Syrup.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Actihist Syrup kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa mengantuk atau mengalami masalah pendengaran,

jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat lain, Actihist Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini, walaupun bukan semua orang akan mendapat kesan tersebut. Kesan sampingan boleh menjadi serius.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda fikir anda sedang mengalami sebarang kesan sampingan yang tidak diingini semasa mengambil ubat ini seperti;

- mengantuk
- kesukaran untuk tidur
- pengekalan air kencing,
- loya
- muntah
- reaksi alahan

Kesan sampingan lain yang tidak tersenarai mungkin boleh berlaku. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda dengan cepat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Actihist Syrup

- Penyimpanan

Jauhi daripada kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya dan pembekuan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Cecair jernih berwarna kuning dengan rasa plum.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan Aktif

Setiap 5 ml mengandungi:

Tripolidine hydrochloride

Pseudoephedrine hydrochloride

- Bahan-bahan Tidak Aktif

Plum flavour

Citric acid

Methyl paraben

Propyl paraben

Sorbitol

Sodium citrate

Ethyl maltol

Quinoline yellow extract

Propylene glycol

Sodium saccharin

Deionised water

- Nombor MAL

MAL19920518AZ

Pengilang

HOVID Bhd.

121, Jalan Tunku Abdul Rahman,

(Jalan Kuala Kangsar)

30010 Ipoh, Perak, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

HOVID Bhd.

121, Jalan Tunku Abdul Rahman,

(Jalan Kuala Kangsar)

30010 Ipoh, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

18/07/2022

Nombor Siri

NPRA(R4/1)160621/00048